

# PENDAHULUAN

The background features a large, dark green curved shape on the left side. Below it, there is a white curved shape. To the right, there is a light green curved shape with a repeating pattern of stylized, vertical, leaf-like or feather-like motifs. At the bottom right, there is a smaller, dark green curved shape.



# PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara (JAN) telah menjalankan empat jenis pengauditan seperti berikut:

**1.1. Pengauditan Penyata Kewangan** - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

**1.2. Pengauditan Pematuhan** - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di kementerian/jabatan/agensi telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

**1.3. Pengauditan Prestasi** - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti kementerian/jabatan/agensi dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan

**1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan** - untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Pengauditan Prestasi dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *The International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Auditan khas Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar yang dilaksanakan secara komprehensif melibatkan 95 agensi merangkumi pengurusan hutan yang dikawal selia oleh Kerajaan Persekutuan dan sembilan Kerajaan Negeri. Auditan khas ini dibentangkan secara berasingan dengan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2022 mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan. Pengauditan yang dijalankan meliputi aspek prestasi dan pengurusan aktiviti antaranya melibatkan litupan hutan, pembangunan hutan asli, pembangunan ladang hutan dan kesan kepada alam sekitar.

3. Secara umumnya, pengurusan hutan di Malaysia telah diuruskan secara berkekalan bagi memberi manfaat sosioekonomi dan mengekalkan kelestarian alam sekitar. Pada tahun 2021, litupan kawasan berhutan adalah seluas 18.05 juta hektar (54.6%) daripada keluasan tanah negara selaras dengan komitmen negara untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% litupan kawasan berhutan. Aktiviti perhutanan memberi impak positif kepada aspek ekonomi negara dari hasil negeri. Berdasarkan semakan di sembilan negeri, terdapat kelemahan pengurusan hutan bagi aktiviti pembalakan, pembangunan ladang hutan, perlombongan dan kuari di dalam HSK telah memberi impak negatif dari aspek sosial dan alam sekitar.

4. Bagi pengurusan aktiviti hutan di negeri yang memerlukan perhatian jabatan perhutanan dan agensi terlibat ialah projek pembangunan ladang hutan serta penguatkuasaan dan pemantauan sumber hutan. Pengurusan hutan dan sumber aslinya menjadi tanggungjawab bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Oleh itu, sebarang kekurangan dan ruang ketirisan memerlukan pengenalan mekanisme kawalan yang cekap di bawah tanggungjawab bersama untuk mengatasinya demi kepentingan rakyat.

5. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada ketua jabatan terlibat dan mereka juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan semasa mesyuarat penutup diadakan. Penemuan Audit yang penting sahaja telah dilaporkan dalam laporan ini untuk memaklumkan kepada pemegang taruh mengenai kelemahan yang dikesan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak lima syor untuk diambil tindakan oleh kementerian/jabatan/agensi berkenaan.


6. Untuk LKAN ini, Jabatan Audit Negara menerbitkan dalam format cetakan buku serta format digital, iaitu format *Card Drive* dan juga *QR Code* untuk tujuan pembentangan di hadapan Dewan Rakyat, Dewan Negara serta edaran kepada kementerian/jabatan/agensi dan pemegang taruh.

7. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan memantapkan usaha penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti Kerajaan. Selain meningkatkan akauntabiliti dan integriti penjawat awam, laporan ini juga diharap dapat membantu menimbulkan kesedaran melalui *lessons learnt* bagi membolehkan Kerajaan mendapat *value for money* untuk setiap perbelanjaan yang dibuat.

8. Status isu dan tindakan terkini Laporan Ketua Audit Negara Auditan Khas Tahun 2022 boleh diakses oleh auditi dan orang awam melalui Papan Pemuka Dalam Talian Ketua Audit Negara (*Auditor General's Dashboard* – AGD) di laman web Jabatan Audit Negara

(<http://agdashboard.audit.gov.my>). Mekanisme ini telah berjaya membantu kementerian/jabatan/agensi kerajaan untuk menyalurkan maklum balas dengan cepat, pantas serta meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti. Hal ini membuktikan komitmen dan keprihatinan kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu yang dibangkitkan dalam LKAN serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil.

9. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai kementerian/jabatan/agensi kerajaan yang telah memberi kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha gigih serta memberi sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(DATUK WAN SURAYA WAN MOHD RADZI)  
Ketua Audit Negara  
Malaysia

Putrajaya  
17 Oktober 2023

